



SIARAN AKHBAR
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Tujuh kompaun dan sembilan belas notis amaran dikeluarkan
atas kesalahan melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142
sepanjang tempoh Julai dan Ogos 2022**

Tarikh: 25 Ogos 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan sembilan belas notis amaran dan tujuh kompaun (dengan jumlah keseluruhan sebanyak \$4,100) atas kesalahan melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya sepanjang bulan Julai dan pertengahan bulan Ogos tahun ini.
2. Penguatkuasaan rutin harian yang dijalankan oleh JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna pada bulan Julai hingga pertengahan bulan Ogos telah mendapati beberapa premis perniagaan melakukan kesalahan berikut dengan tindakan kompaun dikeluarkan mengikut kekerapan kesalahan dibuat:

Bil	Nama Syarikat	Kesalahan	Tindakan (Kompaun)
1	Syarikat Leah Jaya	Menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan	\$700.00
2	Sifana Sdn Bhd		\$500.00
3	Syarikat Halimun Bersaudara	Memaparkan tanda harga yang mengelirukan – paparan tanda harga tidak selaras dengan harga yang tercatat di	\$700.00
4	Jaya Hypermart		\$700.00
5	Jannath Department Store		\$500.00
6	Iburia Sdn Bhd		\$500.00

7	Hua Ho Department Store	dalam sistem kaunter pembayaran	\$500.00
---	-------------------------	---------------------------------	----------

3. Para peniaga adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dan seterusnya mengamalkan amalan perniagaan yang beretika, termasuk memastikan paparan tanda harga yang betul dan jelas bagi mengelakkan amalan mengelirukan pengguna.
4. Orang ramai digalakkan untuk memuat turun dan menggunakan aplikasi mudah alih PenggunaBijak untuk mendapatkan akses kepada antarlainnya, harga terkini bagi barangan asasi tertentu dan saluran rasmi bagi menghubungi JPES untuk membuat sebarang aduan mengenai sebarang amalan perniagaan yang tidak wajar. JPES juga boleh dihubungi melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn. Sebarang aduan adalah dinasihatkan untuk disertakan dengan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi